

Individu boleh memanfaatkan lebih 300 kedai buku secara maya merentasi 16 negara

SHAH ALAM

Selain perkhidmatan aplikasi e-Hailing yang semakin popular pada masa ini, satu lagi cabang perkhidmatan yang mampu menjana pendapatan dalam kalangan B40 dan M40 ialah perniagaan e-book atau buku elektronik.

Ini kerana menerusi e-book, segala maklumat berupa teks, gambar, video, audio, ataupun bentuk multimedia lain boleh dimuatkan dalam dokumen berkonsep buku dan boleh terus diakses melalui komputer riba dan peribadi serta telefon pintar tanpa mengira masa.

Profesor Madya Sr Dr Rohayu Abdul Majid berkata, orang-ramai boleh meraih pendapatan semaksimum yang mungkin menerusi penerbitan dan pemasaran

buku secara digital tanpa mengira latar belakang mahupun tahap pendidikan yang ada.

Bagi merealisasikan konsep itu, Master Shiro Global Academic (MSGA) sebuah syarikat yang giat mengusahakan platform pemasaran e-book secara digital telah menyediakan penyelesaian untuk menerbitkan dan memasarkan buku secara digital sekali gus menjana pendapatan tambahan, selain dijadikan ia satu profesion yang serius.

"Sehingga ini terdapat lebih 300 kedai buku (e-bookstore) yang bernaung di bawah MSGA sedang giat aktif dalam pemasaran digital merentasi 16 buah negara di dunia hasil dukungan bersama ahlinya dari pelbagai profesion dan industri.

"Sistem yang dikenali *Evenchise* ini pada awalnya me-

Sistem 'e-book' mampu jana pendapatan B40 dan M40

Sinar HARIAN (02/11/2021) M15 29



ROHAYU ABDUL MAJID



MSGA sediakan platform pemasaran e-book

lalui proses penyelidikan dan pembangunan selama lima tahun. Kini ia telah berjaya membangunkan satu sistem canggih dan komprehensif menerusi pemilikan e-bookstore peribadi dengan kemudahan platform pemasaran digital hanya menerusi perkhidmatan telegram.

"Dalam pada itu, sistem ini juga berupaya menyimpan data prospek pembeli secara sistematik terancang dan selamat selain

melindungi produk penerbitan daripada aktiviti plagiat mahupun cetak rompak," katanya.

Kebersamaan MSGA dalam mencatur pendapatan ahlinya amat terserlah dengan pelbagai pakej peluang meraih pendapatan. Penglibatan pemilik e-bookstore ini juga tidak hanya tertumpu kepada aktiviti penghasilan e-book semata-mata sebaliknya turut berpeluang memperolehi pendapatan me-

nerusi penganjuran seminar, pengenalan rakan penulis, penjualan buku sendiri dan buku penulis lain.

Sejajar dengan motonya 'Jihad Ekonomi, Jihad Ilmu dan Jihad Pendidikan', pelbagai aktiviti kebajikan telah diusahakan MSGA dalam membantu mereka yang terkesan dengan pandemik ini.

Menerusi peluang mengusahakan e-bookstore secara percuma di atas talian pada peringkat permulaan juga telah banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan menjana pendapatan sendiri secara mudah dan berhemah.

"Ini selaras dengan strategi pemulihan ekonomi tanpa mengira latar belakang dalam dunia digital," katanya.